

Ulasan Buku

KAEDAH-KAEDAH FIQAH DAN APLIKASINYA DALAM DAKWAAN SYARIE

- Penulis : Amin al-Jarumi
Tahun : 2020
Penerbit : Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah.
Halaman : 211 halaman termasuk glosari dan senarai rujukan.
Pengulas : *Ahmad Hidayat Buang*
Professor, Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies,
University of Malaya, 50603
Kuala Lumpur.
ahidayat@um.edu.my



Buku ini merupakan yang terbaik pernah ditulis dalam Bahasa Melayu yang menjelaskan serta menghuraikan kaedah fiqah atau *qawa'id fiqhiiyah*. Penulis perlu diberi pujian kerana berjaya meringkaskan dua aspek penting topik perbincangan disiplin bidang ilmu ini, iaitu sejarah dan pengenalan *qawa'id fiqhiiyah* serta huraian kepada kaedah-kaedah utama. Penjelasan yang diberi kepada dua tajuk ini adalah bersistematis melalui penerangan kepada kaedah, konsep serta prinsip Syariah, fiqh dan Usul al-Fiqh yang terbabit. Terjemahan yang diberikan kepada kaedah, istilah, nas-nas terutama hadis-hadis yang berkaitan adalah tepat dan mudah difahami.

Namun yang paling penting ialah kesemua huraian-huraian serta contoh-contoh yang diberikan dirujuk kepada sumber-sumber asli yang berautoriti dalam bidang ini. Ia juga disokong dengan rujukan daripada penulis-penulis moden yang berkepakaran tinggi dan diiktiraf di dunia Islam. Aspek kedua buku ini yang menjadi tumpuan atau fokus ialah perbincangan mengenai kaedah-kaedah fiqh yang berkaitan dengan dakwaan. Penulis memahami dengan

mendalam pemilihan istilah dakwaan bagi menunjukkan ianya merangkumi tuntutan sivil dan pendakwaan jenayah (h. 32 dan 192).

Sungguhpun demikian beliau membezakan kedua-dua tuntutan tersebut dari istilah bahasa arabnya *talab* bagi tuntutan sivil dan *shakwa* atau *da'wa* bagi pendakwaan jenayah (h.32). Sebagaimana dengan *qawa'id fiqhiiyyah*, penjelasan mengenai konsep dakwaan ini sungguhpun ringkas, namun komprehensif dan padat. Ini diikuti dengan penjelasan aplikasi kaedah fiqh yang berkaitan dengan dakwaan. Sekali lagi penulis menunjuk kemahirannya menyusun topik perbincangan ini secara sistematik dengan membahagikan kepada syarat-syarat pendakwaan di bab keempat, penolakan pendakwaan di bab kelima dan percanggahan dakwaan di bab keenam. Susunan bab-bab ini adalah berasaskan kepada tertib atau *order* dalam proses tuntutan atau pendakwaan. Sepanjang pengetahuan saya ini pertama kali percubaan dibuat untuk menghurai aplikasi kaedah fiqh dalam dakwaan. Penulis sendiri mengakui perkara ini kurangnya perhatian diberikan kepada aplikasi kaedah fiqh dalam dakwaan (h.192).

Sebagaimana yang dimaklumi terdapat kajian ilmiah samada berbentuk tesis atau penulisan artikel yang cuba untuk melihat pemakaian kaedah fiqh dalam penghakiman dan juga perundangan Islam di Malaysia. Penulisan berjaya menghimpunkan kaedah-kaedah yang boleh diaplikasikan dalam dakwaan. Sungguhpun diakui terdapat beberapa kaedah lain yang tidak kurang pentingnya dalam dakwaan tidak dimasukkan seperti *al-sukut fi makan al-bayan bayanun*. Kemungkinan kaedah ini lebih berkaitan dengan keterangan. Tidak dapat dinafikan bahawa kaedah-kaedah yang dinyatakan di sini adalah spesifik kepada kes-kes tertentu dan oleh itu sudah tentulah ianya lebih dekat kepada *dabit* atau *dawabit fiqhiiyyah* berbanding sebagai kaedah yang lebih luas lagi pemakaianya.

Perkara ini sebenarnya diulas oleh penulis di halaman 20, namun tidak diuraikan secara lanjut semasa membincangannya di bab aplikasi kaedah fiqh dalam topik pendakwaan. Perkara ini bukan sesuatu yang serius kerana ianya tidak menjasakan penjelasan yang dibuat. Kaedah penulisan buku ini membolehkan rujukan dengan mudah oleh para pengamal perundangan seperti hakim dan peguam untuk menggunakan kaedah atau qawabit ini di dalam perbicaraan. Perkara ini dengan sendirinya akan membantu meningkatkan mutu penghakiman dan penghujahan mahkamah Syariah. Dari segi tahap penulisan, buku ini ditulis kepada mereka yang sudah mempunyai latar belakang Syariah dan perundangan seperti penyelidik dan pelajar universiti dan pengajian tinggi serta pengamal undang-undang Syariah. Perbahasan topik

perbincangan banyak melibatkan perbahasan ulama-ulama mazhab empat dan juga huraihan teknikal istilah-istilah fiqh yang mungkin bagi pembaca novis akan mengalami sedikit kesukaran untuk memahaminya.

